

2,845 individu daripada 19 kumpulan sasar disaring

LABUAN: Jabatan Kesihatan Labuan telah menjalankan ujian saringan COVID-19 terhadap 2,845 individu daripada 19 kumpulan sasaran setakat hari ini.

Jumlah tertinggi adalah dari pusat beli-belah dan Kompleks Ujana Kewangan, melibatkan 735 orang yang terdiri daripada pekerja kios, pekerja pasar raya serta vendor dan daripada jumlah tersebut, 251 daripadanya telah diambil sampel.

Kumpulan penghantar makanan adalah yang kedua tertinggi dengan 569 orang dan kesemuanya menjalani ujian swab, manakala 198 daripada 556 pekerja pasar raya besar dan pasar raya juga telah diambil sampel

mereka.

Bagaimanapun, tiada yang diuji positif COVID-19 daripada kumpulan-kumpulan yang disaring itu, kata Pengarah Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari.

Beliau berkata seramai 95 guru termasuk pengendali pusat jagaan kanak-kanak turut diambil sampel masing-masing serta 101 daripada 200 vendor dan pekerja di Pasar Sentral dan Bangunan UTC (Kumpulan UTC) yang disaring.

Bagi kumpulan kontinjen polis Labuan, seramai 333 anggota disaring dan 65 daripadanya menjalani ujian swab.

"Pasukan perubatan kami juga menyaring dan mengambil sampel daripada semua 22 tahanan

di lokap polis, enam tahanan maritim dan 19 tahanan imigresen di Pusat Koreksional Labuan," katanya kepada Bernama.

Di bawah kumpulan perkhidmatan kurier pula, seramai 43 orang disaring dan 35 daripadanya menjalani ujian swab.

Turut menjalani ujian saringan itu adalah 19 pegawai dari Jabatan Imigresen, Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Labuan (40), Jabatan Pendaftaran Negara (28), Jabatan Sukarelawan Malaysia (72) dan Jabatan Perangkaan (20), serta petugas mengutip zakat (Amil) dan pekerja di pusat kutipan sayur (Peladang).
— Bernama